

# Oasis UUM Johan Nasyid UUM


---



**SINTOK** - Kumpulan Nasyid Oasis UUM yang mewakili Dewan Penginapan Pelajar (DPP) SME Bank Universiti Utara Malaysia (UUM) muncul juara apabila mengalahkan 14 pasukan lain, sempena Festival Kesenian dan Kebudayaan anjuran Pusat Budaya dan Seni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, baru-baru ini.

Kemenangan ini ialah kejayaan kali kedua menjadi johan dalam musim ini bagi kumpulan yang dianggotai 12 orang siswa UUM dan diketuai Emeer Mokhsin Mat Saleeh, 22, pelajar semester empat Program Undang-undang.

Emeer berpandangan bahawa kejayaan kumpulan mereka adalah kerana kesepakatan dan kesungguhan setiap ahli, terutama ketika menyertai sesi latihan, sedangkan masing-masing sibuk dengan kuliah dan tugas sebagai siswa. Kejayaan ini bukan sahaja meletakkan kumpulan nasyid mereka disegani, malah dapat menyampaikan dakwah melalui persembahan nasyid.



*Kumpulan Nasyid Oasis UUM muncul sebagai juara*